

Ibu bapa pelajar puji keprihatinan UMS

UB 13.11.2014 B5

KOTA KINABALU: Keprihatinan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menjaga kebijakan mahasiswa mendapat pujian daripada ibu bapa pelajar.

Lee Linggang, 38, menyuarakan rasa terima kasih dan penghargaan atas kepentasan UMS menghantar anaknya yang mengalami sesak nafas dan pendarahan hidung ke pusat rawatan kecemasan Hospital Queen Elizabeth baru-baru ini.

Beliau berkata, anaknya Amanda Sandra Lestari Lee, pelajar Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS telah disahkan oleh doktor mengalami kekurangan darah yang serius dan mungkin boleh menyebabkan kematian sekiranya lambat menerima rawatan.

“Saya sangat terharu dengan tindakan pantas yang diambil oleh pihak pengurusan UMS. Saya tidak tahu apa yang berlaku kepada anak saya sekiranya tidak dihantar ke hospital dengan segera,” katanya.



AMANDA



ALVINAH



LEE

yang juga guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Fuad Stephens, Kiulu.

Lee turut memujilangkah UMS yang serta merta menguruskan tempat peperiksaan Malaysia University English Test (MUET) di bilik khas di hospital itu setelah diberi maklum oleh doktor bahawa anaknya diberi kebenaran untuk menduduki ujian berkenaan.

“Ini juga satu peristiwa penting yang mana pihak UMS serta Jabatan

Pendidikan Negeri Sabah dan pihak hospital telah sama-sama berganding bahu bagi memastikan Amanda tidak terlepas daripada peperiksaan yang bakal memberi impak kepada permohonan melanjutkan pengajian di peringkat prasiswazah kelak,” kata ayah kepada bekas pemenang naib juara Pidato Kebangsaan itu lagi.

Dalam pada itu, ibu Amanda, Alvinah Saribun, 38, turut melahirkan rasa terhutang budi kepada pihak universiti kerana

sanggup memberi penjagaan dan keselesaan kepada seluruh pelajar termasuk anaknya yang disifatkannya agak kurang sihat sejak kebelakangan ini.

“Kami sebenarnya sangat risau bila memikirkan keadaan anak kami apatahlagi pengalaman tinggal berjauhan daripada keluarga adalah yang pertama kali buatnya. Namun kami tetap yakin dan menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada pihak UMS. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan,” katanya.